BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 09/06/10

EMBARGO: Tidak Boleh Disiarkan Atau Dicetak Sebelum Jam 1830 Pada Hari Khamis, 28 September 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan pada bulan Ogos 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan pembiayaan bersih sektor swasta berterusan

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Ogos, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.2%. Pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% pada akhir bulan Ogos (akhir Julai: 9.3%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 5.4%, manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang 12.2%.

Paras permodalan dan kualiti aset sistem perbankan bertambah kukuh pada bulan Ogos. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 13.2% disebabkan pemasukan keuntungan teraudit ke dalam jumlah modal oleh beberapa institusi perbankan, di samping pemerolehan modal oleh sebuah institusi perbankan. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan bertambah baik kepada 5.3% pada akhir bulan Ogos 2006 (Julai: 5.4%).

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 09/06/10

EMBARGO: Tidak Boleh Disiarkan Atau Dicetak Sebelum Jam 1830 Pada Hari Khamis, 28 September 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN OGOS 2006

Pertumbuhan pembiayaan bersih sektor swasta berterusan

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Ogos, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.2%. Pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% pada akhir bulan Ogos (akhir Julai: 9.3%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 5.4%, manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang 12.2%.

Jumlah dana kasar yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti dan PDS berjumlah RM4.1 bilion pada bulan Ogos. Sebahagian besar dana diperoleh daripada pasaran PDS, terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan perniagaan, kewangan dan harta benda. Tidak termasuk

Cagamas, dana bersih yang diperoleh sektor swasta lebih tinggi dan berjumlah RM1.8 bilion.

Meskipun kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan terus stabil pada bulan Ogos dan September, kadar FD purata benar bagi tempoh matang 6, 9 dan12 bulan menjadi positif berikutan inflasi yang lebih rendah pada bulan Ogos. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata dan kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan terus stabil pada bulan Ogos.

Dalam tempoh 1 Ogos – 26 September, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 3.48% - 3.56%. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman meningkat sedikit pada awal bulan September ekoran beberapa peserta pasaran wang memperoleh dana sebagai persediaan terhadap terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS). Berikutan itu, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak lebih hampir pada paras OPR. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain pula secara relatif terus stabil.

Dalam tempoh 1 Ogos – 27 September 2006, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan euro, namun menambah nilai berbanding dengan yen Jepun. Ringgit dipengaruhi oleh perkembangan mata wang negara-negara G3, selain aliran perdagangan dan pelaburan. Ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia sebanyak 0.6%, tetapi berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau lain, ringgit menyusut nilai dalam julat 0.2% - 3.1%.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 3.3% pada bulan Ogos (Julai: 4.1%). Penyederhanaan inflasi pada bulan itu disebabkan terutamanya oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan bagi barangan dalam kategori *pengangkutan* ekoran luputnya kesan kenaikan harga runcit petrol dan diesel pada bulan Ogos 2005. Selain itu, harga barangan dalam kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol* juga naik pada kadar yang lebih perlahan. Kadar kenaikan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pula terus menjadi sederhana kepada 8.1% pada bulan Julai (Jun: 8.9%).

Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 10.2% pada bulan Ogos (Julai: 9.7%). Wang secara luas atau M3 juga meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 8.3% (Julai: 7.6%).

Paras permodalan dan kualiti aset sistem perbankan bertambah kukuh pada bulan Ogos. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 13.2% disebabkan pemasukan keuntungan teraudit ke dalam jumlah modal oleh beberapa institusi perbankan, di samping pemerolehan modal oleh sebuah institusi perbankan. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan bertambah baik kepada 5.3% pada akhir bulan Ogos 2006 (Julai: 5.4%).

Kadar deposit tetap benar bagi tempoh matang lebih panjang menjadi positif pada bulan Ogos

Dalam tempoh 1 Ogos – 26 September, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 3.48% - 3.56%. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman meningkat sedikit pada awal bulan September ekoran beberapa peserta pasaran wang memperoleh dana sebagai persediaan terhadap terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS). Berikutan itu, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak lebih hampir pada paras OPR. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain pula secara relatif terus stabil.

Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan terus stabil pada bulan Ogos dan September. Pada 15 September, kadar disebut purata bagi FD bank perdagangan bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan terus stabil masing-masing pada 3.13% dan 3.77%. Kadar FD purata benar bank perdagangan bagi tempoh matang 6, 9 dan 12 bulan menjadi positif kerana inflasi lebih rendah pada bulan Ogos. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata dan kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan secara relatif tidak berubah, masing-masing pada 6.72% dan 6.64% pada akhir bulan Ogos.



Kadar antara bank semalaman meningkat sedikit pada awal bulan September, namun ia selanjutnya bergerak lebih hampir pada paras OPR



Kadar antara bank lain secara relatif tidak berubah



BNM menyerap mudah tunai dalam sistem perbankan pada bulan Ogos



ALR bank perdagangan terus di bawah BLR

Keadaan Mudah Tunai



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan–deposit rendah sedikit kerana pertumbuhan deposit mengatasi pertumbuhan pinjaman pada bulan Ogos

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jul 06	3.12	3.19	3.34	3.48	3.78
Ogos 06	3.12	3.19	3.34	3.48	3.77
15 Sep 06	3.13	3.21	3.36	3.49	3.77

Kadar FD bank perdagangan terus stabil pada bulan Ogos dan September

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD 3 bulan benar negatif mengecil berikutan inflasi yang lebih rendah pada bulan Ogos

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan euro

Dalam tempoh 1 Ogos – 27 September 2006, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan euro, namun menambah nilai berbanding dengan yen Jepun. Ringgit dipengaruhi oleh perkembangan mata wang negara-negara G3, selain aliran perdagangan dan pelaburan. Euro disokong oleh jangkaan bahawa European Central Bank akan menaikkan lagi kadar faedah tanda aras. Yen Jepun menjadi lemah kerana berkurangnya jangkaan bahawa kadar faedah tanda aras akan meningkat. Ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia sebanyak 0.6%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau lain dalam julat 0.2% - 3.1%.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Jul 06	Ogos 06	27 Sep 06	Akhir Dis 05 - 27 Sep 06	Akhir Jul 06 - 27 Sep 06
Dolar AS	3.7800	3.6535	3.6770	3.6835	2.6	-0.8
Euro	4.4867	4.6653	4.7181	4.6764	-4.1	-0.2
Paun sterling	6.5226	6.8163	6.9826	6.9808	-6.6	-2.4
100 yen Jepun	3.2229	3.1946	3.1485	3.1471	2.4	1.5
Dolar Singapura	2.2714	2.3160	2.3379	2.3208	-2.1	-0.2
100 baht Thailand	9.2049	9.6577	9.7923	9.8135	-6.2	-1.6
100 peso Filipina	7.1254	7.1059	7.2204	7.3303	-2.8	-3.1
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0403	0.0405	0.0400	-4.0	0.6
100 won Korea	0.3739	0.3827	0.3834	0.3901	-4.1	-1.9
Renminbi China	0.4686	0.4582	0.4620	0.4659	0.6	-1.7

Inflasi menurun kepada 3.3% pada bulan Ogos

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 3.3% pada bulan Ogos (Julai: 4.1%). Penyederhanaan inflasi pada bulan itu disebabkan terutamanya oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan bagi barangan dalam kategori *pengangkutan*, ekoran luputnya kesan kenaikan harga runcit petrol dan diesel pada bulan Ogos 2005. Selain itu, harga barangan dalam kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol* juga naik pada kadar yang lebih perlahan. Khususnya, kadar inflasi bagi *makanan di rumah* menurun disebabkan harga daging segar, susu dan telur yang lebih rendah.

Indeks Harga Pengguna



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telah diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi pada bulan Ogos ialah 3.3%

Kenaikan harga pengeluar menjadi sederhana pada bulan Julai

Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menjadi sederhana kepada 8.1% pada bulan Julai (Jun: 8.9%). IHPR yang lebih

sederhana ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga barangan dalam kategori berkaitan komoditi yang lebih perlahan berikutan kenaikan harga minyak mentah yang lebih kecil pada bulan itu. Tidak termasuk kategori berkaitan komoditi, IHPR juga mencatat kadar kenaikan yang lebih perlahan, iaitu 0.5% (Jun: 0.7%), terutamanya kerana penurunan harga dalam kategori *makanan dan haiwan hidup* berbanding dengan harga setahun yang lalu.



Kenaikan IHPR sederhana pada bulan Julai

Wang secara luas terus meningkat pada bulan Ogos

Pada bulan Ogos, wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 10.2% (Julai: 9.7%), terutamanya mencerminkan penempatan deposit permintaan oleh sektor perniagaan yang lebih tinggi.

Wang secara luas atau M3 pula terus meningkat pada kadar tahunan 8.3% pada bulan Ogos (Julai: 7.6%). Pada asas bulanan, semua penentu M3 memberi kesan pengembangan. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan menyumbang kepada pertumbuhan M3 kerana Kerajaan mengeluarkan depositnya daripada Bank Negara Malaysia berikutan penebusan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) pada bulan Ogos. Operasi luaran bersih dan tuntutan terhadap sektor swasta juga memberi kesan pengembangan atas M3. Tuntutan terhadap sektor swasta memberi kesan pengembangan disebabkan terutamanya oleh peningkatan pinjaman terkumpul dan peningkatan pemegangan sekuriti oleh sistem perbankan.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Jul 06**	**Ogos 06**
M3	68.0	49.7	4.5	11.3
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	-0.7	3.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	44.6	5.6	1.5
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*4.9*	*1.3*
Sekuriti	*-9.2*	*-0.4*	*0.7*	*0.2*
Operasi luar negeri bersih *	82.7	17.4	-0.6	3.6
Pengaruh lain	-29.4	-6.8	0.2	3.1

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Ogos

Pada bulan Ogos, penempatan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan, institusi kewangan bukan bank, Kerajaan Negeri, dan individu telah menyebabkan peningkatan selanjutnya sebanyak RM8.6 bilion atau 9.7% (Julai: RM7.4 bilion atau 9.8%) dalam jumlah deposit yang digembleng oleh sistem perbankan. Mengikut jenis, peningkatan deposit adalah terutamanya dalam bentuk instrumen deposit boleh niaga (NIDs), deposit tetap dan deposit permintaan. Walau bagaimanapun, peningkatan deposit ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan perjanjian beli balik (repo).

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 06	**Jun 06**	**Jul 06**	**Ogos 06**
Kerajaan Persekutuan	-633	753	1,188	-1,285
Kerajaan Negeri	-304	49	-321	1,391
Badan Berkanun [1]	862	1,798	-1,200	-105
Institusi Kewangan	-1,538	1,844	-102	766
Perusahaan Perniagaan	4,367	-295	3,719	6,477
Individu	-980	1,736	3,244	1,385
Lain-lain [2]	-8	-4	883	6
Jumlah	1,767	5,881	7,413	8,636

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 06	**Jun 06**	**Jul 06**	**Ogos 06**
Deposit tetap	1,795	-967	1,910	2,763
NID	3,761	3,267	-216	5,635
Deposit permintaan	1,090	2,722	-152	1,959
Deposit tabungan	-896	-178	123	200
Perjanjian beli balik (Repo)	-5,053	782	4,056	-3,142
Deposit mata wang asing	-423	121	109	952
Deposit SPI	1,718	-93	707	-65
Lain-lain	-225	226	876	334
Jumlah	1,767	5,881	7,413	8,636

Pertumbuhan pembiayaan bersih sektor swasta berterusan

Pada bulan Ogos, jumlah pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM44.5 bilion (Julai: RM44.8 bilion). Jumlah terbitan PDS meningkat, manakala pengeluaran pinjaman lebih rendah pada bulan itu. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.2% (Julai: 9.6%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Paras pembiayaan kasar sektor swasta secara relatif stabil



Permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat pada bulan Ogos

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	July	Aug	July	Aug
Jumlah				
Permohonan pinjaman	24.8	27.3	-9.2	-6.1
Kelulusan pinjaman	14.1	16.3	-22.4	-6.4
Pengeluaran pinjaman	42.3	41.4	1.5	-5.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.7	2.4	9.3	8.6
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	13.1	14.0	-4.3	-9.3
Kelulusan pinjaman	6.6	7.8	-24.6	-1.2
Pengeluaran pinjaman	30.1	28.7	5.2	-6.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.0	1.3	5.4	5.4
PKS				
Permohonan pinjaman	5.4	6.3	t.b.[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	2.8	4.0	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	11.3	11.4	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.8	0.0	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	11.7	13.3	-14.2	-2.6
Kelulusan pinjaman	7.5	8.5	-20.4	-10.7
Pengeluaran pinjaman	12.2	12.8	-6.6	-4.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.6	3.1	12.7	12.2

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

… meliputi sektor perniagaan dan isi rumah



Pengeluaran pinjaman kepada sektor utama stabil

Pada asas bulanan, permohonan dan kelulusan pinjaman lebih tinggi dalam sektor perniagaan dan isi rumah. Dalam sektor perniagaan, perusahaan perniagaan besar dan PKS menyumbang kepada peningkatan permohonan dan kelulusan pinjaman. Sementara itu, pengeluaran pinjaman kepada PKS dan sekor isi rumah stabil, dengan pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi.

Pada akhir bulan Ogos, pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% (akhir bulan Julai: 9.3%), dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing meningkat pada kadar tahunan 5.4% dan 12.2% (Julai: masing-masing 5.4% dan 12.7%).

Dana kasar yang diperoleh daripada pasaran modal terus tinggi

Jumlah dana kasar yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti dan PDS berjumlah RM4.1 bilion pada bulan Ogos. Sebahagian besar dana diperoleh daripada pasaran PDS terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan perniagaan, kewangan dan harta benda. Tidak termasuk Cagamas, dana bersih yang diperoleh sektor swasta lebih tinggi dan berjumlah RM1.8 bilion. Dalam sektor awam, sejumlah RM6.3 bilion diperoleh melalui pembukaan semula terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 3 tahun dan 5 tahun. Walau bagaimanapun, dana bersih yang diperoleh sektor awam mencatat kedudukan penebusan bersih disebabkan penebusan MGS yang lebih tinggi sebanyak RM7 bilion. Secara keseluruhan, pasaran modal mencatat kedudukan penebusan bersih sebanyak RM517 juta pada bulan Ogos.



Prestasi KLCI terus bertambah baik

Pada bulan Ogos, momentum kenaikan KLCI berterusan dan ditutup lebih tinggi pada 958.12 atau 2.4% berbanding dengan akhir bulan Julai. Pasaran ekuiti tempatan dirangsang oleh sentimen positif daripada peruntukan projek pembinaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan jangkaan bahawa kadar faedah di Malaysia tidak akan berubah. Permodalan pasaran meningkat kepada RM740.4 bilion (sejak akhir bulan Julai: 1.7%), manakala urus niaga purata harian merosot kepada 460.5 juta unit (Julai: 801.8 juta unit).



KLCI terus bertambah baik disebabkan sentimen yang positif

Pada 26 September, KLCI ditutup pada 965.66 (sejak akhir Ogos: +0.8%). Permodalan pasaran keseluruhan lebih tinggi pada RM743.6 bilion (sejak akhir Ogos: +0.4%). Aktiviti urus niaga lebih tinggi dengan urus niaga harian purata berjumlah 467.2 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM291.2 bilion atau bersamaan USD79.3 bilion pada 30 Ogos 2006. Rizab meningkat kepada RM291.4 bilion atau bersamaan USD79.3 bilion pada 15 September 2006. Paras rizab memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 6.2 kali hutang luar jangka pendek.



Paras permodalan dan kualiti aset sistem perbankan bertambah kukuh

Prestasi kewangan yang kukuh menyebabkan jumlah modal institusi perbankan bertambah kukuh. Pemasukan keuntungan teraudit ke dalam jumlah modal oleh beberapa institusi perbankan, di samping pemerolehan modal oleh sebuah institusi perbankan menghasilkan jumlah modal yang lebih tinggi sebanyak RM90.4 bilion. Pada 31 Ogos 2006, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 13.2% dan 10.5%. Berdasarkan klasifikasi 3 bulan, pinjaman tak berbayar (NPL) terus menurun kepada 5.3% daripada jumlah pinjaman bersih.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**2004**	**2005**	**Jun 06**	**Jul 06**	**Aug 06**
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.2	10.1	10.5
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.0	12.9	13.2
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.0	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	5.5	5.4	5.3
Jumlah (RM juta)	40,631	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,322	30,368	30,260	29,618
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.8	1.8	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Paras permodalan sistem perbankan terus tinggi …

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dalam keadaan kualiti aset yang terus meningkat

Bank Negara Malaysia
28 September 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jun 06		Jul 06		Ogos 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		53.4	5.4	53.7	5.3	54.6	7.6
M1		128.3	10.1	128.3	9.7	130.7	10.2
M2		657.2	11.2	662.7	12.7	673.8	12.8
M3		693.9	6.4	698.3	7.6	709.6	8.3
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		723.0	8.1	730.4	9.8	739.0	9.7
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		579.3	8.6	584.1	9.3	586.5	8.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		77.1		76.9		76.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.7		85.7		85.2	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		24.9	-4.4	24.8	-9.2	27.3	-6.1
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		17.9	9.1	14.1	-22.4	16.3	-6.4
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		43.6	-4.8	42.3	1.5	41.4	-5.6
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		39.0	-3.2	38.4	-7.0	39.1	-0.2
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.0		12.9		13.2	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.5		5.4		5.3	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		289.3		290.4		291.2	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		78.8		79.1		79.3	
Bilangan bulan import tertangguh		8.2		8.1		8.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.25		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.51 [3.49]		3.49 [3.49]		3.56 [3.49]	
	Seminggu	3.55 [3.55]		3.51 [3.55]		3.57 [3.55]	
	1 bulan	3.78 [3.78]		3.75 [3.77]		3.68 [3.69]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.11		3.12		3.12	
	3 bulan	3.18		3.19		3.19	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.55		6.63		6.64	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		103.8	3.9	104.0	4.1	103.9	3.3
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		172.4	8.9	174.5	8.1	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6750		3.6535		3.6770	
Euro		4.6698		4.6653		4.7181	
Paun Sterling		6.7352		6.8163		6.9826	
100 Yen Jepun		3.1963		3.1946		3.1485	
Dolar Singapura		2.3126		2.3160		2.3379	
100 Baht Thailand		9.6104		9.6577		9.7923	
100 Peso Filipina		6.9047		7.1059		7.2204	
100 Rupiah Indonesia		0.0395		0.0403		0.0405	
100 Won Korea		0.3856		0.3827		0.3834	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.8		2.5		-0.7	
	swasta	1.1		-0.4		0.2	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		914.7		935.9		958.1	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		721.8		727.8		740.4	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.